

04/08/2002

Sudahkah Dr Mahathir ubah fikiran?

SAYA menulis isu minggu ini dari sebuah chalet, (di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort) di Teluk Burau, terletak di lereng sebuah anak bukit kecil, di depannya dihadangi sedikit oleh dua bumbung chalet yang lebih besar. Pemandangan pantai panjang dan berliku itu menarik dan kelihatan di teluk itu sebuah pulau mini.

Airnya biru-hijau-kelabuan. Saya amat mencintai nature (alam semula jadi) - apa lagi air, sungai, laut dan tasik, bukit dan gunung. Amat senang apabila balik ke kampung tetapi tidaklah terlalu kerap, kalau tidak nanti bosan pula.

Di bilik ada satu pemberitahuan: memohon tetamu mengunci jendela dan balkoni. Apabila saya masuk ke kamar tengah malam Jumaat saya terus memasang kipas angin (tidak begitu gemar dengan air condition tetapi boleh menerimanya apabila kipas tiada. Nasib baik kedua-duanya ada) dan membuka jendela serta pintu balkoni. Walaupun hujan lebat, angin deras dan berderu, paluan ombak kuat; pokok melambai bagai menari, saya tidur nyenyak setelah membaca dua, tiga muka surat sebuah kitab. Apabila bangun waktu subuh, baru saya membaca kesemua notis itu. Perenggan kedua berbunyi - terjemahan daripada bahasa Inggeris - kalau tidak tutup pintu nanti monyet (kera kata orang Kok Lanas) masuk... jangan beri monyet makanan kerana itu menggalakkan mereka menziarahi kamar lebih kerap lagi. Notis itu meneruskan bahawa pihak hotel menghargai tetamu yang mencintai alam sekitar tetapi mereka lebih sayang lagi kepada tetamu itu. Mujurlah malam itu saya tidak diziarahi oleh monyet. Malam kedua dan ketiga saya menutup dan mengunci pintu.

Membaca notis ini membawa ingatan saya kembali kepada Perhimpunan Agung Umno 15 tahun lalu. Seorang wakil telah berkata dia bukan benci Tengku Razaleigh Hamzah tetapi beliau hanya sayang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Umno lebih. Dalam politik yang wujud dan kekal hanya satu saja - kepentingan peribadi. Itulah lumrah majoriti pengamal politik. Apakah tarikannya?

TIGA Perdana Menteri - Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Razak dan Dr Mahathir tertarik dengan Pulau Langkawi

Perdana Menteri telah menjadikan Pulau Langkawi sebuah destinasi pelancongan antarabangsa yang terkenal. Daripada sebuah pulau yang hanya ada sebuah rumah rehat dan dua, tiga buah rumah tumpangan (lodging) pada 1969, apabila saya sampai pertama kali mengiringi Tunku, Tun Razak dan ramai lagi di atas kapal "Kuala Lumpur". Tunku dan Tun Razak diiringi penasihat-penasihat masing-masing telah bercuti bersama di pulau legenda ini sebelum kempen pilihan raya umum awal Mei 1969.

Pulau Langkawi terus membangun. Saya ke sini setidak-tidaknya sekali setahun dan kagum melihat kepesatan pembangunannya. Orang tempatan bertanya kepada saya apakah akan jadi kepada pembangunan pesat ini apabila Dr Mahathir melepaskan jawatannya 14 bulan lagi. Juga kepada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) dan Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (Lima). Saya pandai-pandai menjawab ketiga-tiga akan diteruskan.

Setelah saya sedar saya nobody - hanya orang biasa - langsung saya cepat-cepat cari wartawan Berita Minggu, Khaidir Abdul Majid memintanya bertanya kepada Dr Mahathir.

Khaidir segera jumpa Dr Mahathir di LID dan tanya mengenai perkara itu. Dr Mahathir dengan senyum yang lebar menjawab dengan penuh keyakinan, ketiga-tiga akan diteruskan.

Langkawi kini bukan saja terkenal kerana legenda Mahsuri, tetapi juga sebagai destinasi pelancongan antarabangsa, Lima dan LID. Nyaris-nyaris Langkawi terkenal sebagai tempat Tun Razak mengumumkan rombakan kabinet yang terbesar dalam sejarah politik Malaysia yang dijadual berlangsung pada minggu ketiga Januari 1976 sempena mesyuarat menteri-menteri besar. Sayangnya Tun Razak telah kembali ke Rahmahtullah di London pada 14 Januari 1976.

Saya ingat nama-nama menteri baru dan menteri-menteri yang akan digugur kerana saya terbabit secara langsung dalam rombakan itu. Andainya Tun Razak sempat berbuat begitu, sejarah Malaysia berlainan. Tetapi saya boleh beritahu satu, Dr Mahathir akan dipindahkan daripada Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Dalam Negeri - satu promosi yang menunjukkan Tun Razak menganggap Dr Mahathir sebagai bakal Perdana Menteri. Sungguhpun Tun Razak meninggal dunia, kerjaya politik Dr Mahathir tidak terjejas bahkan meningkat lagi kerana penggantinya Datuk Hussein Onn lambat laun telah menyedari kehendak Tun Razak tentang Dr Mahathir.

Beberapa orang penasihat Tun Razak telah menjadi mangsa politik McCarthyism, iaitu politik memfitnahkan musuh-musuh sehingga kerjaya politik mereka itu rosak, terbunuh atau paling tidak terbantut. Apapun bak kata mat sallah the rest is history- semuanya telah menjadi sejarah. Dasar Ekonomi Baru: matlamat dan semangatnya tidak berubah, hanya pendekatannya saja

MEDIA asing dan bukan Melayu tidak bosan-bosan memberi perhatian kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB), kemunduran penguasaan bahasa Inggeris dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Mereka, kalau boleh mahu DEB dan ISA dimansuhkan dan bahasa Inggeris pula dipuja.

Saya terpaksa bersikap adil. Ada juga segelintir Melayu yang agak lupa daratan, terikut-ikut dengan sikap media asing dan bukan Melayu ini. Mereka juga terbawa-bawa oleh pendapat kuasa besar terunggul, terutama tentang hak-hak asasi manusia. Amat gemar seperti burung tiong, meniru bunyi suara tuannya. Dunia tahu Amerika Syarikat adalah pencabul hak asasi manusia nombor wahid, terutama kepada orang kulit hitam dan sejak peristiwa 11 September, orang Islam telah menjadi mangsa; tetapi ada juga orang kita yang mengatakan tiada hak asasi manusia di Malaysia. Kalau tidak ada bagaimana mereka bisa bersuara, berpolitik, mengecam dan memfitnah kerajaan dan memiliki akhbar dan risalah masing-masing?

Sepanjang saya tahu, Dr Mahathir tidak berubah fikiran mengenai DEB. Dia hanya mahu membawa pendekatan baru dalam mencapai matlamat nasional itu.

Sebelum Dasar Ekonomi Baru diwujudkan pada tahun 1970, setahun selepas peristiwa berdarah Mei 13, kotaraya Kuala Lumpur dimonopoli oleh bukan Melayu dalam serba serbi. Bahkan pegawai kerajaan pun majoritinya bukan Melayu. Ini telah menyebabkan orang Melayu terasa kekosongan kemerdekaan. Tiada sebuah kedai dan gedung besar dipunyai mereka.

Setelah 32 tahun DEB dilaksanakan, matlamat 30 peratus kekayaan negara dipunyai orang Melayu belum tercapai. Setakat ini hanya 19 peratus ekuiti korporat kononnya berada di tangan orang Melayu melalui badan-badan amanah. Berapakah sebenarnya dipunyai oleh individu Melayu? Saya kira mungkin dua peratus, kalau tidak satu peratus. Itupun ada orang-orang Melayu yang hanya nampak kaya tetapi hakikatnya tidak kerana mereka ini sebenarnya Ali Baba.

Mahu tahu sama ada orang itu kaya atau sebaliknya lihat apa terjadi kepada keluarga mereka setelah Ali Baba kembali ke Rahmatullah, terutama kalau si Ali Baba itu tidak meninggal anak atau isteri yang "berwibawa" untuk terus dieksploitasi oleh Baba, John atau Samy.

Untuk mengatakan DEB tidak berjaya tidak benar. Untuk mengatakan DEB sukses juga tidak tepat. Sebenarnya DEB telah berjaya dan juga gagal. Mengikut data Bank Dunia dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia

(Malaysian Institute of Economic Research), DEB telah mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan orang Melayu dan Bumiputera daripada 50 peratus hingga 8 peratus semenjak tahun 1973. Kini 75 peratus rakyat luar bandar mempunyai kemudahan paip air, meningkat daripada 6 peratus dan di universiti pelajar-pelajar Melayu berjumlah 60 peratus. Sebelum dan selepas kemerdekaan, yakni sebelum DEB, pelajar Melayu di pusat pengajian tinggi hanya di antara 9 dan 18 peratus saja.

Kegagalan DEB pula di beberapa negeri, terutama di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis serta Sabah dan Sarawak, ialah kadar kemiskinan dianggap masih tinggi jika dibanding dengan negeri-negeri lain dan kegagalan Melayu menguasai 30 peratus ekuiti korporat amat terserlah.

Hanya Dr Mahathir dianggap mampu dan berani membawa pendekatan baru kepada pelaksanaan DEB: memperkenalkan meritokrasi dan menukar bahasa pengantar daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dalam pendidikan Matematik dan Sains. Dr Mahathir begitu berani mengaku dia telah gagal mengubah sikap orang Melayu. Dia jujur dengan consciencenya (nurani).

Ramai Melayu dan bukan Melayu, bahkan diplomat asing tertanya-tanya sama ada bakal pengganti Dr Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mampu meneruskan pendekatan baru ini selepas dia mengambil alih. Kononnya Abdullah sukar berbuat demikian kerana kedudukan politiknya yang tidak sekuat Dr Mahathir.

Saya sekali lagi pandai-pandai menekan kepada mereka ini bahawa Abdullah akan menjelma sebagai seorang, walaupun tidak sama seperti Dr Mahathir dekat-dekat sepertinya. Apapun Abdullah akan meneruskan warisan Dr Mahathir - termasuk komitmen Dr Mahathir di Pulau Langkawi.

Cabaran hebat yang menunggu

DR MAHATHIR mempunyai personaliti, sejarah dan political clout (kekuatan politik) untuk melaksanakan apa yang difikirkannya wajar bagi kebaikan bangsa walaupun dia dikecam seperti ucapannya mengenai Dilema Melayu baru. Itupun dia amat cermat, sentiasa memeriksa dan memantau suhu politik. Saya percaya Abdullah juga akan berbuat demikian apabila masanya tiba.

Satu debat mengenai Abdullah, pendekatan baru dan sikap baru Melayu telahpun bermula 14 bulan sebelum Dr Mahathir bersara. Sama-sama kita melihat ke arah mana debat ini menuju.

Solat di Masjid Aishah Kampung Kelibang

BERSAMA pemandu saya, Nazrol Azli, saya telah sembahyang fardu Jumaat di Masjid Aishah, sebuah masjid yang indah dan canggih. Khutbahnya bertema perajurit bunga bangsa dan cara pengisian jiwa seorang Islam.

Saya tertarik dengan Masjid Aishah dan tanah perkuburan di sebelah pintu masuk; tidak luas tapi bersih, kelihatan damai walaupun di tepi jalan yang sibuk. Juga dengan Tadika Kemas berhampiran. Masyarakat tempatan bertuah pada pandangan saya.

Bacaan imam menarik tetapi wiridnya agak panjang. Ramai wakil LID kelihatan keluar kerana mereka terpaksa berkejar ke bilik persidangan, juga orang tempatan walaupun mereka boleh tunggu kerana Jumaat hari cuti di Kedah.

Saya pentingkan kualiti bukan kuantiti; ringkas dan padat. Apa pun semoga Allah SWT menerima solat saya dan jemaah lain.